

SIARAN AKHBAR

S.A. 2025/03/30_06 (HQ)

TNB SIAP SIAGA DEMI KESELESAAN RAKYAT SAMBUT AIDILFITRI

- Laksana projek naik taraf sistem rangkaian bekalan elektrik serta menempatkan 271 janakuasa bergerak di lokasi strategik bagi memastikan kelangsungan bekalan.
- Lebih 10,000 pekerja TNB bersiap siaga sepanjang Aidilfitri bagi memastikan bekalan elektrik stabil
- Amalkan langkah keselamatan dan penjimatan tenaga untuk penggunaan elektrik yang lebih cekap dan selamat

Sempena sambutan Aidilfitri yang bakal di sambut pada minggu hadapan, lebih 30 juta rakyat Malaysia dijangka meraikan perayaan terbesar di negara ini sama ada di kota mahupun di kampung halaman masing-masing.

Sehubungan itu, **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** ingin memaklumkan telah membuat persediaan menyeluruh demi memastikan bekalan elektrik stabil dan keselesaan pengguna di seluruh Semenanjung Malaysia terjamin sepanjang sambutan Aidilfitri mulai minggu depan.

Sebagai langkah persediaan awal, TNB telah menyiapkan beberapa projek menaiktaraf sistem rangkaian bekalan elektrik di seluruh negara di samping menempatkan 271 janakuasa bergerak (mobile genset) di lokasi-lokasi strategik sebagai langkah tambahan.

TNB telah menugaskan lebih 10,000 warga kerjanya untuk bersiap siaga 24 jam sehari bermula dua hari sebelum Syawal sehingga hari raya ketiga.

Menurut Ir. Mahathir Nor Ismail, Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian TNB, "Pasukan teknikal TNB akan terus membuat pemantauan yang rapi dan akan mengambil tindakan pantas memulihkan bekalan sekiranya gangguan bekalan berlaku agar keceriaan sambutan Aidilfitri terus menyinari kediaman pelanggan serta pengguna kami."

Keselamatan dan Penjimatan Tenaga Semasa Aidilfitri

Sambil mengucapkan selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua pelanggan dan pengguna TNB, Ir. Mahathir turut menasihatkan pengguna agar mengutamakan keselamatan elektrik ketika beraya di kampung dan mengadakan rumah terbuka Aidilfitri nanti.

"Antara amalan yang mudah untuk diterapkan, adalah:

- Sebelum pulang ke kampung, matikan suis utama dan cabut palam peralatan elektrik yang tidak digunakan;

S.A. 2025/03/30_06 (HQ)

- Jangan bebankan soket dengan terlalu banyak peralatan elektrik, adapter atau kabel penyambung;
- Gunakan pemasa (timer) jika ingin memasang lampu bagi keselamatan rumah; dan
- Pastikan semua peralatan elektrik berada dalam keadaan baik sebelum digunakan.”

Selain itu, beliau turut menyeru pengguna mengamalkan langkah penjimatan tenaga seperti:

- Memantau penggunaan elektrik menerusi aplikasi myTNB;
- Menetapkan suhu penyaman udara pada 24-26°C dan bersihkan penapis secara berkala;
- Merancang aktiviti memasak secara cekap, seperti membakar kuih raya dalam jumlah yang banyak sekaligus;
- Menggunakan peti sejuk dengan efisien - elakkan meletakkan makanan panas terus ke dalamnya;
- Membasuh pakaian dengan muatan penuh serta jemur di luar jika cuaca baik;
- Mengumpulkan pakaian dan menggosok sekaligus bagi elak guna seterika berulang kali; serta
- Menggunakan lampu LED yang lebih tahan lama dan menjimatkan tenaga.

Untuk maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan, sila hubungi TNB melalui saluran Facebook: TNB CareLine, X (Twitter): @Tenaga_Nasional, e-mel: tnbcareline@tnb.com.my, atau talian TNB CareLine: 1-300-88-5454.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 30 Mac 2025, jam 11:30 pagi

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /

Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606

atau emel kami: media@tnb.com.my

Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Tenaga Nasional Berhad (TNB) (www.tnb.com.my) ialah syarikat utiliti terkemuka di Malaysia dan Asia dengan operasi antarabangsa di United Kingdom (UK), Ireland, Australia, Turkiye, Arab Saudi, Kuwait, Pakistan dan Kemboja. Dalam sektortenaga boleh baharu, TNB memiliki kapasiti penjanaan sebanyak 3,189MW di Semenanjung Malaysia (termasuk 2,536.1MW hidro berskala besar) dan 1,183MW merangkumi UK, Ireland, Australia dan Turkey, yang terutamanya terdiri daripada aset penjanaan tenaga solar, angin dan hidro. Selain menjadi penjana utama elektrik negara, TNB juga mengendalikan penghantaran dan pengagihan bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Disember 2024, TNB membekalkan elektrik kepada lebih daripada 11 juta pelanggan.



Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian TNB, Ir. Mahathir Nor Ismail



Tenaga Nasional Berhad (TNB) giat melaksanakan projek naik taraf sistem rangkaian bekalan elektrik dan menempatkan 271 janakuasa bergerak di lokasi strategik bagi memastikan bekalan elektrik stabil sepanjang sambutan Aidilfitri.



TNB mengingatkan pengguna agar sentiasa mengutamakan keselamatan elektrik ketika menyambut Aidilfitri, termasuk mengelakkan beban berlebihan dengan tidak menggunakan terlalu banyak peralatan secara serentak.



Untuk penggunaan tenaga yang lebih cekap, TNB menyarankan agar pengguna mengamalkan langkah penjimatan seperti menggunakan penyaman udara secara berhemah, menetapkan suhu antara 24-26°C, dan membersihkan penapis secara berkala.